

22/02/2000

Gus Dur pelawa Perdana Menteri lawat Indonesia

KUALA LUMPUR, Isnin - Presiden Abdurrahman Wahid atau lebih dikenali sebagai Gus Dur, secara rasmi menjemput Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melakukan lawatan ke Indonesia.

Undangan itu disampaikan sendiri oleh Menteri Luar Indonesia, Alwi Shihab, kepada Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri, di Putrajaya hari ini.

Terdahulu, Alwi menemui rakan sejawatnya dari Malaysia, Datuk Seri Syed Hamid Albar di Wisma Putra.

Ketika ditemui pemberita selepas pertemuan itu, Syed Hamid berkata, jemputan berkenaan adalah satu prosedur luar biasa kerana Menteri Luarnya sendiri menyampaikan jemputan.

"Ini adalah satu penghormatan kepada kita dan ia juga menandakan hubungan yang akrab antara Malaysia dan Indonesia," katanya.

Syed Hamid berkata, Perdana Menteri sudah mengarahkannya membuat persiapan bagi menentukan tarikh lawatan itu.

Alwi pula berkata, jemputan itu disampaikan menyusul pertemuan antara kedua-dua pemimpin ketika Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (Unctad) di Bangkok baru-baru ini.

Beliau berharap lawatan Dr Mahathir ke Indonesia akan memperkukuhkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara.

Dua minggu selepas Gus Dur dipilih sebagai Presiden Oktober tahun lalu, beliau membuat lawatan ke Malaysia.

"Sudah tiba masanya bagi kita memperbaharui hubungan akrab antara kedua-dua negara dengan pemimpin. Sebelum ini, Indonesia memang berharap Dr Mahathir dapat berkunjung ke sana tetapi kami maklum dengan kesibukan beliau terutama ketika pilihan raya umum lalu," kata Alwi.

(END)